

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

19. Bagaimana kerajaan memantau premis halal, premis yang ditolak status halal dan premis dalam proses permohonan halal?
- (a) Apakah aktiviti kuat kuasa yang dilakukan bagi mereka yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP bertanggungjawab terhadap hal ehwal pengurusan halal Negeri Pulau Pinang. Ini termasuklah aktiviti pemantauan halal. Pemantauan ke atas premis pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dilakukan secara berkala/ berjadual selepas 6 bulan pihak syarikat mendapat sijil dan sekurang-kurangnya 2 kali sepanjang tempoh sah sijil iaitu 2 tahun. Laporan pemantauan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia Negeri Pulau Pinang yang dijadualkan pada setiap bulan dengan keanggotaan seramai 12 ahli panel dari pelbagai agensi berkaitan.

Tiada pemantauan dilakukan kepada premis-premis bukan pemegang SPHM kerana bukan di bawah bidang kuasa JHEAIPP. Bagaimanapun, maklumat keputusan gagal sesuatu premis dalam permohonan Pensijilan Halal Malaysia akan dipanjangkan kepada agensi-agensi seperti Jabatan Kesihatan Negeri, MBSP, MBPP, JPV, KPDNHEP dan lain-lain untuk tindakan susulan agensi tersebut berdasarkan bidang kuasa masing-masing, iaitu sama ada untuk pemantauan mahupun tindakan penguatkuasaan.

Begitu juga dengan premis yang masih dalam proses permohonan halal di mana JHEAIPP tidak melakukan pemantauan terhadap premis ini

kerana bidang kuasa JHEAIPP adalah ke atas premis pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia sedia ada.

- (a) Penguatkuasaan berkaitan halal diperuntukkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), iaitu di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) bertindak membantu pihak KPDNHEP menyalurkan maklumat berkaitan dan membantu dalam mengesahkan status pensijilan Halal Malaysia bagi mana-mana produk, premis mahupun perkhidmatan. Oleh itu, Bahagian Pengurusan Halal JHEAIPP akan turut terlibat dalam setiap operasi penguatkuasaan halal bersama KPDNHEP.

Tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana pihak yang melanggar peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dalam APD 2011 ini ialah seperti berikut:

- (i) Seksyen 28 – Kesalahan berkaitan takrif halal
Denda maksimum RM 1 juta atau dipenjarakan 3 tahun atau kedua-duanya
- (ii) Seksyen 29 – Kesalahan berkaitan perakuan dan penandaan halal
Denda maksimum RM 100 ribu atau dipenjarakan 3 tahun atau kedua-duanya

Mana-mana pihak yang didapati melanggar Akta Perihal Dagangan ini akan dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah atau dikenakan kompaun dan rampasan barangan/ produk yang menyalahi akta tersebut.

Tindakan penguatkuasaan halal yang dijalankan adalah berdasarkan kepada :-

- (i) Aduan atau maklumat yang diterima;
- (ii) Risikan/ pemantauan yang dibuat; dan
- (iii) Pemeriksaan berjadual yang dijalankan.